

COVID-19 DALAM KORPUS PERISTILAHAN BAHASA MELAYU: ANALISIS SOSIOTERMINOLOGI

Junaini Kasdan

junaini@ukm.edu.my

*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Rusmadi Baharudin

rusmadi@dbp.gov.my

*Bahagian Penyelidikan Bahasa,
Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia*

Anis Shahira Shamsuri

ashahira10@gmail.com

*Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

ABSTRAK

Pada penghujung tahun 2019, penduduk Wuhan, China digemparkan dengan penularan wabak baharu yang menyerang sistem pernafasan manusia. Namun, jangkitan tersebut berbeza daripada jangkitan influenza, avian flu, MERS-CoV atau SARS. Wabak baharu ini dikenali sebagai Novel Coronavirus (2019-nCoV), yang kemudiannya dinamai sebagai COVID-19. Akibat penularan penyakit tersebut, pada 12 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik. Dari perspektif Linguistik, pandemik ini turut mencambahkan korpus perbendaharaan kata bahasa Melayu dengan sangat pesat. Sebagai contoh, wujudnya istilah penjarakan sosial, droplet, PPE, PKP, dan meratakan puncak lengkungan. Bahkan terdapat istilah yang pelbagai untuk merujuk satu konsep yang sama, misalnya nyahkuman dan nyahvirus, serta kadar peningkatan kes dan lonjakan kes. Hal ini tentunya dapat menimbulkan kekeliruan pada pengguna. Dari aspek terminologi pula, fenomena keanekaragaman penciptaan istilah ini perlu diberikan perhatian bagi memastikan istilah yang digunakan dapat difahami dan diamalkan oleh pengguna kerana istilah tersebut berkaitan dengan kesejahteraan masyarakat. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan menganalisis dan menghuraikan fenomena penciptaan istilah tentang COVID-19, yang beredar dalam kalangan masyarakat dari perspektif sosioterminologi. Kajian ini memanfaatkan istilah yang digunakan dalam kenyataan akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang tempoh pandemik COVID-19 sebagai data kajian. Bagi tujuan penganalisan, data istilah dibandingkan dengan korpus istilah DBP. Hasil kajian mencatatkan sebahagian istilah yang dibentuk oleh masyarakat sudahpun dibakukan oleh DBP. Walau bagaimanapun, sebahagian istilah sememangnya istilah baharu, tetapi pembentukannya didapati menepati pedoman pembentukan istilah, walaupun mungkin tidak menepati selera penggubal istilah. Justeru, istilah yang telah memasyarakat ini perlu dihormati bagi memastikan bahasa Melayu terus berkembang.

Keywords: terminologi, COVID-19, korpus; analisis sosioterminologi, penciptaan istilah

COVID-19 IN THE CORPUS OF MALAY TERMINOLOGY: A SOCIO-TERMINOLOGICAL ANALYSIS

ABSTRACT

*By the end of 2019, the people of Wuhan, China, has been plagued with a new outbreak that has invaded the human respiratory system. However, the type of infection is different from influenza, avian flu, MERS-CoV or SARS. This new epidemic is known as the Novel Coronavirus (2019-nCoV), later officially known as COVID-19. As a result of the spread of the disease, on March 12, 2020, the World Health Organization (WHO) and the Centre for Disease Control and Prevention declared COVID-19 a pandemic. From the Linguistics perspective, this pandemic has rapidly germinated the corpus of the Malay vocabularies with the jargon and terms that relate to this virus crisis. For example, there are the terms *penjarakan sosial* (social distancing), *droplet*, *PPE*, *PKP* and *meratakan puncak lengkungan* (flatten of the curve). There are even different terms that refer to a similar concept, such as *nyahkuman* and *nyahvirus* (for English term disinfection), and *kadar peningkatkan kes* and *lonjakan kes* (for English term exponential spike). This may, of course, cause confusion for the user. Terminologically, the diversification of terms being coinage needs to be taken into account to ensure that the terms are understood and used as these terms relate to the well-being of the community. In this regard, the study aims to analyse and describe the coinage of the terms related to COVID-19 that has been initiated by the community. Working from the socio-terminological framework, this study will use the Ministry of Health Malaysia press release issued during the pandemic as the data of the analysis. Then, the terms studied are compared to the terms in the DBP database. The results of the study recorded that some of the terms created by the community were already standardised by DBP. However, some terms are indeed new terms, its formation being in compliance with the term formation guidelines, though it may not encounter the savour of the terminologist. Thus, the term that has been popular in the community should be respected to ensure that the Malay language is constantly evolving.*

Keywords: Terminology, COVID-19, corpus; socio-terminological analysis, term coinage

PENGENALAN

Dalam catatan sejarah, kes pertama yang berkaitan dengan virus korona yang dikenali sebagai demam selsema (*cold*) direkodkan pada tahun 1965, iaitu apabila Tyrrell dan Bynoe menemukan virus yang diberikan nama B814. Penemuan ini sekali gus mencatatkan kes pertama yang melibatkan manusia (Jeffrey S. Kahn & Kenneth McIntosh 2005). Hasil penyelidikan Tyrrell ini menunjukkan bahawa semua virus yang menjangkiti manusia dan haiwan, termasuk virus bronkitis berjangkit (*infectious bronchitis virus*), virus hepatitis tikus dan virus gastroenteritis boleh pindah (*transmissible gastroenteritis virus*) babi mempunyai morfologi yang sama. Berdasarkan struktur binaannya, virus korona digambarkan sebagai:

“... medium-sized RNA viruses with a very characteristic appearance in electron micrographs of negatively stained preparations. The nucleic acid is about 30 kb long, positive in sense, single stranded and polyadenylated. The RNA is the largest known viral RNA and codes for a large polyprotein.”

(Jeffrey S. Kahn & Kenneth McIntosh 2005).

“Corona virus is spherical or pleomorphic, single stranded, enveloped RNA and covered with club shaped glycoprotein. Corona viruses are four sub types such as alpha, beta, gamma and delta corona virus.

(Kumar D, Malviya R & Kumar Sharma P. 2020)

Kumpulan virus ini diberi nama korona, iaitu berdasarkan bentuknya yang menyerupai mahkota (berasal daripada perkataan Latin, *Corona*).

Sehingga tahun 2002, korona dianggap sebagai virus yang tidak menyebabkan kematian. Namun, pada tahun 2003, beberapa penerbitan melaporkan bahawa virus korona tersebar di beberapa negara, seperti Amerika Syarikat, Hong Kong, Singapura, Thailand, Vietnam dan Taiwan, yang menyebabkan sindrom pernafasan akut teruk (SARS), telah mengorbankan lebih daripada 1000 nyawa. Berdasarkan pemerhatian terhadap patogenesis penyakit, pengkaji mendapati virus yang mewabak ini adalah dari spesies yang sama, iaitu virus korona (CoV). Penyebaran virus ini berlanjutan untuk beberapa tahun seterusnya, khususnya di Asia dan di negara beriklim sejuk. Pada tahun 2012, negara Arab Saudi pula dijangkiti virus ini, bahkan turut melibatkan sejumlah kematian (Kumar D, Malviya R & Kumar Sharma P. 2020).

Terkini, pada penghujung tahun 2019, penduduk di Wuhan, China digemparkan oleh penularan wabak baharu yang menyerang sistem pernafasan manusia. Pihak berkuasa China melaporkan bahawa jangkitan tersebut bukanlah jangkitan influenza, *avian flu*, *adenovirus*, *Middle East Respiratory Syndrome coronavirus* (MERS-CoV) atau *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS). Wabak baharu ini dikenali sebagai *Novel Coronavirus* (2019-nCoV). Namun, wabak ini tidak hanya menyerang Wuhan, China, sebaliknya turut merebak ke seluruh dunia. Virus 2019-nCoV kemudiannya lebih dikenali sebagai COVID-19, kependekan bagi *Coronavirus Disease* 2019. Akibat daripada penularan penyakit tersebut, pada 12 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik, iaitu penyakit yang menyerang dalam skala yang besar, tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata, malah boleh melarat ke serata dunia. Kini, lebih daripada empat juta penduduk dunia dilaporkan positif dijangkiti COVID-19 dengan jumlah kematian melebihi 250 ribu kes.

Dari perspektif Linguistik, pandemik ini turut mencambahkan korpus perbendaharaan kata bahasa Melayu dengan subur dan sangat pesat. Dari aspek terminologi, khususnya, banyak istilah baharu dibentuk dan bentuknya juga pelbagai. Ada istilah yang diserap daripada bahasa Inggeris, ada istilah yang menggunakan singkatan dan sebagainya. Bahkan terdapat istilah yang pelbagai untuk merujuk satu konsep yang sama. Hal ini dapat dimaklumi kerana pandemik ini merebak pesat di luar negara, khususnya negara berbahasa Inggeris, maka istilah yang digunakan di Malaysia juga adalah merujuk istilah bahasa Inggeris sebagai bahasa sumber. Dalam hal ini, pengguna bahasa Melayu cenderung memberikan istilah padanan bahasa Inggeris tersebut dengan istilah yang pelbagai, sesuai dengan kefahaman dan keselesaan masing-masing. Justeru, fenomena keanekaragaman penciptaan istilah ini perlu diberikan perhatian bagi memastikan istilah yang digunakan dapat difahami dan diamalkan oleh pengguna kerana istilah tersebut berkaitan dengan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

KAJIAN PERISTILAHAN BAHASA MELAYU

Peristilahan ialah bidang ilmu yang membicarakan istilah (*term*) dan hal-hal yang berkaitan dengan istilah serta kajian yang berkaitan dengan pelabelan dan penentuan konsep dalam sesuatu bidang untuk tujuan pendokumentasian dan peningkatan penggunaannya yang tepat. Badan peristilahan antarabangsa, Infoterm, menjelaskan bahawa ‘*Terminology differs from lexicography, as it involves the study of concepts, conceptual systems and their labels (terms), whereas lexicography studies words and their meanings.*’ Sesuai dengan perkembangannya

sebagai cabang ilmu baharu, kata ‘peristilahan’ sering digunakan secara bergantian dengan kata ‘terminologi’. Dalam pengertian umum, peristilahan dapat ditakrifkan sebagai kajian dan penggunaan istilah, iaitu kata atau frasa yang mengungkapkan konsep yang khusus yang terdapat dalam sesuatu bidang ilmu atau profesional (PUPIBM, 2004). Menurut Felber H. (1984), istilah boleh terdiri daripada kata, rangkai kata atau frasa, simbol grafik, singkatan inisial, akronim dan notasi yang mewakili satu atau lebih konsep dalam bidang tertentu; dan bentuknya telah disepakati oleh sekumpulan pakar melalui jawatankuasa bidang berkenaan sebagai mempunyai nilai komunikatif yang sesuai (Pitch, H. & Draskau, 1986). Di luar negara, bidang peristilahan diterima sebagai bidang profesional yang banyak membantu badan penyelidikan menghasilkan rekaan dan ciptaan terbaharu untuk memasarkan produk mereka ke luar negara. Justeru, permasalahan peristilahan, khususnya tentang pembentukan istilah, sama ada di dalam atau di luar negara terus mendapat perhatian pengkaji.

Permasalahan tentang pembentukan istilah bahasa Melayu di Malaysia misalnya, pernah diungkapkan oleh Junaini Kasdan (2020). Dalam hal ini, pengkaji membincangkan penciptaan istilah dan akal budi Melayu. Penciptaan istilah berasaskan pengalaman dan analogi ternyata berjaya menghasilkan istilah yang mesra pengguna serta sesuai dengan konsep istilah yang hendak dibawa. Justeru, pengkaji menekankan bahawa istilah tidak dicipta secara sambil lewa kerana setiap istilah, dari dahulu hingga kini, dicipta berdasarkan pola dan sistem yang teratur. Melalui kajian yang lain, Hasnah Mohamad (2017) pula secara khusus melihat kaedah pembentukan istilah semasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat dewasa ini. Data istilah diperoleh daripada akhbar tempatan dan kaedah pentakrifannya dianalisis berpanduan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (PUPIBM 2004). Dalam hal ini, pengkaji mendapati langkah peminjaman istilah bahasa sumber (bahasa Inggeris) yang diambil pengguna adalah disebabkan kaedah peminjaman yang lebih mudah serta lebih cepat untuk mendapatkan istilah baharu. Walau bagaimanapun, cara peminjaman yang dilakukan adalah menepati kaedah yang ditetapkan dalam PUPIBM 2004.

Permasalahan yang sama pernah diungkapkan oleh Puteri Roslina Abdul Wahid (2005), yang melihat peminjaman kata bahasa Inggeris dalam istilah undang-undang bahasa Melayu. Data yang digunakan ialah petikan rambang terhadap 1,006 istilah kata pinjaman tulen daripada dalam 3,404 istilah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Pada umumnya, dapatan Hasnah Mohamad (2017) dan Puteri Roslina Abdul Wahid (2005) mengukuhkan pandangan yang mengatakan penciptaan istilah bahasa Melayu banyak menyerap istilah daripada bahasa Inggeris dengan dibuat penyesuaian ejaan mengikut aturan bahasa Melayu. Namun, menurut Puteri Roslina Abdul Wahid (2005) peminjaman kata merupakan satu proses semula jadi dan perkembangannya juga boleh dirancang dengan adanya badan seperti DBP yang mengawasi kemasukan unsur luar ke dalam bahasa Melayu.

Oleh sebab sebahagian besar bidang ilmu adalah berteraskan kepada bahasa Inggeris, maka peminjaman daripada istilah bahasa sumber ini tidak dapat dielakkan. Hal ini turut mengundang ketidakselarasan istilah dalam bahasa Melayu. Junaini Kasdan et al. (2016) misalnya telah mengangkat permasalahan ketidakselarasan istilah bahasa Melayu. Kajian ini merumuskan bahawa perbezaan istilah yang berlaku bukanlah tindakan yang diambil dengan sewenang-wenangnya. Penggunaan padanan istilah bahasa Melayu yang berbeza dalam bidang yang berbeza bagi mendukung konsep yang berbeza adalah wajar. Sebaliknya, penggunaan istilah yang berbeza bagi merujuk konsep yang sama walaupun dalam bidang yang berbeza perlu dielakkan kerana perbezaan tersebut boleh menyebabkan salah faham dalam komunikasi.

Selanjutnya, jika ditelusuri kajian peristilahan COVID-19 pula, iaitu kajian khusus yang berkaitan dengan pembentukan istilah dalam bidang tersebut didapati banyak dilakukan oleh pengkaji Barat. Dictionary.com (<https://www.dictionary.com>) misalnya, giat menyenaraikan istilah baharu yang bermunculan dalam masyarakat, bahkan mereka

menemukan istilah yang dianggap tidak terduga, seperti *coronapocalypse*, dan *coronageddon*. Istilah baharu ini penting untuk diusulkan sebagai entri kamus. Kumpulan ini juga menyenaraikan dan memberikan takrifan bagi istilah yang menimbulkan kekeliruan, seperti istilah *quarantine & isolation*, *pandemic & epidemic* dan *respirator & ventilator*. Di Malaysia, sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap penggubalan istilah, DBP turut mengambil usaha menyediakan istilah yang berkaitan dengan COVID-19 dalam bahasa Melayu, namun yang dihasilkan hanyalah sebatas memberikan padanan bahasa Melayu terhadap istilah daripada bahasa sumbernya – Inggeris. Tiada sebarang penghuraian atau takrifan diberikan. Hakikatnya, kedua-dua badan ini masih jauh daripada menyelidik istilah tersebut dan membincangkannya secara teoretis dan komprehensif.

Daripada penelusuran terhadap penulisan tentang peristilahan COVID-19 di dalam negara, akhirnya berjaya ditemukan dua penulisan umum yang ditulis oleh Namri Sidek (2020) dan Hasnah Mohamad (2020). Namri Sidek membincangkan asal-usul istilah ‘wabak’ dan ‘*plaque*’ dan menurutnya istilah ini boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna. Menurut pengkaji, wabak ialah terjemahan bagi ‘*plaque*’ yang bukan sekadar merujuk kepada semua jangkitan dan penularannya disebabkan oleh bakteria, tetapi juga merujuk kepada bala atau bencana, seperti serangan serangga, katak atau tikus yang pernah berlaku secara besar-besaran di Eropah. Justeru, bagi menghormati semua kejadian lampau, definisi ‘*plaque*’ dalam bahasa Inggeris dikekalkan sebagaimana kepercayaan awalnya, dan istilah baharu seperti pandemik, endemik dan epidemik diperkenalkan bagi merujuk jangkitan virus atau bakteria, mengikut skala penyebarannya. Oleh itu, pengkaji menyarankan agar istilah ‘wabak’ (*plaque*) tidak dikelirukan dengan istilah pandemik sesuai dengan istilah yang digunakan oleh WHO, iaitu pandemik COVID-19 bukan wabak COVID-19. Menyentuh tentang penamaan COVID-19, ternyata nama ini juga sempat menimbulkan perselisihan pendapat dalam kalangan penutur bahasa Melayu. Ada yang menyarankan agar nama ini digantikan dengan KOVID-19 (dibaca sebagai KOVID sembilan belas). Justeru, Hasnah Mohamad (2020) tampil untuk menjelaskan pembentukan istilah tersebut secara khusus. Pengkaji menyatakan bahawa pembentukan istilah yang sedia ada adalah memenuhi piawaian kaedah pembentukan istilah antarabangsa. Dalam bahasa Melayu, istilah tersebut juga adalah menepati PUIBM, bahkan sudah disepakati di peringkat antarabangsa.

Pada umumnya, walaupun hasil kajian lalu tentang pembentukan istilah yang dilakukan oleh Junaini Kasdan (2020), Hasnah Mohamad (2017), Puteri Roslina Abdul Wahid (2005), dan Junaini Kasdan et al. (2016) tidak membincangkan peristilahan COVID-19, tetapi kajian ini berjaya menjelaskan permasalahan yang berkaitan dengan pembentukan istilah semasa menggunakan pendekatan yang sesuai, iaitu pendekatan sosioterminologi. Justeru, kajian yang berteraskan pendekatan sosioterminologi ini dapat dijadikan panduan oleh penulis untuk menghasilkan analisis yang lebih sistematik dan dapat dipercayai. Selanjutnya, tulisan Namri Sidek (2020) dan Hasnah Mohamad (2020) yang mengangkat permasalahan tentang peristilahan COVID-19, walaupun bersifat umum dan tidak ditunjangi oleh teori yang dapat dipertanggungjawabkan, tetapi isu yang dibangkitkan sangat menguja penulis untuk mengangkat permasalahan yang sama. Namun begitu, perbincangan dan penganalisan yang ingin diketengahkan adalah berteraskan pendekatan sosioterminologi agar hasil yang diperolehi lebih bersifat empiris dan teoretis. Dengan kata lain, kajian ini bertujuan menganalisis dan menghuraikan fenomena penciptaan istilah yang berkaitan dengan COVID-19, yang beredar dalam kalangan masyarakat dari perspektif sosioterminologi. Pengkajian peristilahan COVID-19 penting kerana dari perspektif Linguistik, istilah ini memperluas korpus perbendaharaan kata bahasa Melayu. Dari aspek terminologi pula, kajian ini perlu bagi menjelaskan sebarang kekeliruan konsep yang berlaku agar istilah yang digunakan, khususnya oleh badan berautoriti, seperti KKM dan DBP dapat difahami dan diamalkan oleh pengguna, memandangkan istilah tersebut berkaitan dengan kesejahteraan masyarakat.

METODOLGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif, iaitu kaedah yang digunakan untuk membentuk persampelan berdasarkan mutu atau kualiti data bagi tujuan analisis. Kaedah kualitatif dibuat agar keseluruhan entri yang berkaitan dengan permasalahan kajian dapat diperhatikan dengan komprehensif. Penerapan kaedah ini juga bertujuan memastikan setiap data yang dianalisis dapat mewakili keseluruhan fenomena yang berlaku dalam pembentukan peristilahan COVID-19. Kajian pustaka melibatkan pencarian bahan bacaan atau sumber rujukan berkaitan dengan aspek peristilahan bahasa Melayu, amnya dan peristilahan COVID-19 khususnya, yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu, sama ada di dalam atau di luar negara.

Data kajian dikumpulkan daripada teks kenyataan akhbar KKM yang bertujuan melaporkan situasi jangkitan COVID-19 di Malaysia. Teks ini dipilih sebagai sumber data kajian kerana KKM merupakan agensi yang terlibat secara langsung dengan penggunaan istilah yang berkaitan dengan COVID-19. Hal ini sesuai dengan syarat pembentukan istilah, iaitu istilah dibentuk dan disepakati oleh pakar atau sekumpulan pakar dalam bidang yang berkenaan. Walau bagaimanapun, dalam konteks peristilahan di Malaysia, istilah tersebut perlu mendapat pengesahan daripada badan berautoriti, iaitu DBP; sesuai dengan peruntukan Seksyen Baru 6(a), Akta A390-Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (pindaan dan peluasan 1995), bahawa “Lembaga hendaklah menjadi pihak berkuasa penyelaras yang tunggal berkenaan dengan membentuk, mencipta dan membakukan istilah-istilah dalam bahasa kebangsaan”. Namun, bagi kes peristilahan COVID-19 dan atas keperluan segera (*ad hoc*) terhadap penggunaan istilah tersebut, hal ini mewajarkan KKM membentuk istilahnya sendiri tanpa melalui proses pengesahan DBP. Menurut Puteri Roslina Abdul Wahid (2012), istilah yang dibentuk tanpa melalui pengesahan DBP perlu diteliti kerana berkemungkinan berlakunya percanggahan linguistik berdasarkan penggunaan semasa. Justeru, istilah tersebut sangat sesuai untuk dipilih sebagai data kajian.

Seterusnya, daripada kumpulan teks kenyataan akhbar KKM, data istilah dikenal pasti secara manual, memandangkan belum ada sistem atau perisian komputer (seperti TerMine) yang dapat digunakan untuk mengenal pasti istilah bahasa Melayu. Bagi tujuan pengenalpastian istilah, rujukan bahasa Inggeris sebagai bahasa sumber peristilahan COVID-19 digunakan. Pengenalpastian dilakukan dengan merujuk teks versi bahasa Inggeris dari sumber yang sama; di samping istilah bahasa sumber yang diletakkan di dalam tanda kurung. Senarai istilah yang telah dikenal pasti kemudiannya dibandingkan dengan istilah yang terdapat dalam pangkalan data istilah DBP. Perbandingan ini bertujuan memastikan sama ada istilah yang digunakan oleh KKM merupakan istilah yang telah dibakukan oleh DBP atau istilah yang baharu. Bagi istilah yang baharu, hal yang perlu dipastikan adalah aspek kaedah pembentukannya. Hal ini kerana kaedah yang salah boleh menyebabkan berlakunya kekeliruan konsep dan seterusnya memberikan pemahaman yang salah kepada masyarakat.

Bagi istilah yang didapati berbeza daripada istilah DBP dan istilah yang penggunaannya tidak selaras (kerana memiliki lebih daripada satu padanan), serta istilah baharu dikelompokkan untuk dianalisis menggunakan kerangka teoretis yang dipilih. Dalam hal ini pendekatan sosioterminologi akan mengambil peranan. Sosioterminologi ialah pendekatan yang digunakan dalam kajian terminologi, iaitu yang berkaitan dengan kebiasaan penggunaannya dalam kalangan masyarakat: “*approach of terminology work based on the sociological, cultural and sociolinguistic characteristics of a linguistic community, aiming at the study and the development of its technoelects in accordance with those characteristics*” (ISO/TR 22134:2007). Menurut Tammerman, R. (2000), sosioterminologi diperkenalkan dalam peristilahan untuk menjawab beberapa persoalan yang selama ini tidak terungkai oleh teori konsep atau teori tradisional peristilahan. Hal ini kerana pendekatan sosioterminologi mengambil kira bahawa istilah juga dipengaruhi oleh perubahan sosial masyarakat penuturnya

dan mempunyai pertalian dengan jati diri budaya penutur bahasa itu sendiri. Melalui pendekatan sosioterminologi, istilah dilihat sebagai bahagian daripada bahasa, bukan sekadar simbol atau tanda dan juga bahagian daripada kebudayaan. Oleh sebab ada kaitannya dengan masyarakat pengguna sebenar, maka kajian peristilahan COVID-19 ini lebih bersifat deskriptif.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sejak pandemik COVID-19 merebak di Malaysia dan kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kenyataan akhbar KKM berkaitan dengan pandemik ini dikeluarkan setiap hari bertujuan memberikan makluman tentang status situasi jangkitan yang berlaku. Daripada teks tersebut, kajian ini berhasil mengenal pasti 143 istilah yang digunakan secara aktif oleh KKM bagi menjelaskan pelbagai konsep yang berkaitan dengan pandemik ini. Jumlah ini menepati piawaian antarabangsa, ISO/TC37 yang menyebutkan bahawa jumlah istilah bagi sesuatu subbidang ilmu adalah antara 150 hingga 200 istilah, berbanding dengan 1000 hingga 1500 untuk satu bidang ilmu. Menurut pakar bidang yang dirujuk, Dr. Norlee Hazaniza Ahmad, peristilahan COVID-19 adalah termasuk peristilahan dalam bidang Perubatan, subbidang Kesihatan Awam. Dari segi pembentukan istilah, hal ini menepati prinsip pendekatan Sosioterminologi, iaitu tiada pembahagian yang jelas antara subbidang dengan subbidang yang lain. Sebagai contoh, istilah 'wabak' (*outbreak*), bukan sahaja digunakan dalam subbidang Kesihatan Awam, tetapi juga dipakai dalam subbidang lain, seperti Penyakit Berjangkit atau Penyakit Tropika, turut digunakan dalam bidang Veterinar, Geografi, dan Sosiologi. Hal ini dapat dibuktikan melalui perbandingan data istilah terkumpul dengan pangkalan data istilah DBP.

Dalam konteks peristilahan COVID-19 yang digunakan oleh KKM, kajian mendapati bahawa 67.0% (96) istilah yang digunakan oleh KKM sudah pernah dibakukan oleh DBP, sama ada dalam bidang perubatan atau bidang yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian istilah, khususnya istilah perubatan yang digubal oleh DBP berjaya dimasyarakatkan. Namun, daripada jumlah tersebut, hanya 62.5% (60) istilah yang digunakan oleh KKM dimanfaatkan daripada istilah yang telah sedia ada. Bagi 37.5% (36) istilah lainnya, KKM memilih untuk menggunakan istilah yang berbeza. Justeru, perbezaan tersebut merupakan satu daripada perkara yang perlu diselidiki dan dijelaskan dalam perbincangan ini. Contoh istilah yang dapat dikenal pasti daripada teks kenyataan akhbar KKM berbanding dengan istilah DBP (sebelum 1 Mei 2020) adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Contoh istilah yang digunakan KKM berbanding dengan istilah DBP

	Bahasa Inggeris	Istilah KKM	Istilah DBP
Istilah sama	<i>chain of infection</i>	rantaian jangkitan	rantaian jangkitan
	<i>close contact</i>	kontak rapat	kontak rapat
	<i>containment phase</i>	fasa pembendungan	fasa pembendungan
	<i>mitigation period</i>	tempoh pengurangan	tempoh pengurangan
	<i>communicable disease</i>	penyakit berjangkit	penyakit berjangkit
	<i>communicable patient</i>	pesakit berjangkit	pesakit berjangkit
	<i>import case</i>	kes import	kes import
	<i>lockout</i>	sekatan masuk	sekatan masuk
Istilah berbeza	<i>antiviral treatment</i>	rawatan antiviral	rawatan antivirus
	<i>artificial ventilation</i>	bantuan pernafasan	ventilasi tiruan
	<i>membrane mucosa</i>	selaput badan	mukosa membran
	<i>nasopharyngeal</i>	nasopharyngeal	nasofaringeal
	<i>discharge</i>	discaj	izin keluar
	<i>mass gathering</i>	perhimpunan awam	perhimpunan ramai
	<i>self-regulation</i>	kawalan sendiri	<i>pengaturan sendiri</i>
	<i>spread</i>	penularan	<i>perebakan; penyebaran</i>

Selanjutnya, kajian ini turut menemukan sejumlah 47 (33.0%) istilah baharu yang terhasil daripada pandemik COVID-19, yang pastinya turut mewarnai korpus peristilahan bahasa Melayu. Contoh istilah tersebut adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Contoh istilah baharu yang ditemukan dalam korpus teks kenyataan akhbar KKM

Bahasa Inggeris	Istilah KKM
<i>close contact</i>	kontak rapat
<i>Coronavirus disease</i>	penyakit Coronavirus
<i>social distancing</i>	penjarakan sosial
<i>spring cleaning</i>	<i>Spring cleaning</i>
<i>respiratory droplet</i>	titisan sekresi pernafasan
<i>infective</i>	kebolehjangkitan
<i>low-risk treatment</i>	rawatan risiko rendah
<i>decontamination</i>	1. nyahcemar 2. nyahkuman 3. nyahvirus
<i>disinfection</i>	nyahjangkitan
<i>low-immunity</i>	rendah imuniti
<i>susceptible to infection</i>	rentan jangkitan
<i>disinfection box</i>	<i>disinfection box</i>
<i>jump suit</i>	<i>jump suit</i>
<i>self-surveillance</i>	<i>self-surveillance</i>
<i>vulnerable community</i>	komuniti lemah
<i>close conversation</i>	komunikasi jarak dekat
<i>Enhance Movement Control Order (EMCO)</i>	Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD)
<i>Movement Control Order (MCO)</i>	Perintah Kawalan Pergerakan (KPK)
<i>Conditional Movement Control Order (CMCO)</i>	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)
<i>interferon Beta</i>	interferon Beta
<i>rapid test kit (RTK)</i>	<i>rapid test kit (RTK)</i>
<i>exponential spike</i>	1. kadar peningkatan kes 2. lonjakan kes
<i>flatten of the curve</i>	1. meratakan lengkung, 2. melandaikan lengkung

Daripada Jadual 2, dapat dilihat bahawa beberapa istilah yang ditemukan masih menggunakan istilah bahasa Inggeris, contohnya, *spring cleaning*, *rapid test kit (RTK)* dan *disinfectant box*. Hal ini mungkin disebabkan kesukaran untuk mendapatkan padanan istilah bahasa Melayu secara *ad hoc*. Namun, ada juga istilah yang dihasilkan berdasarkan pemikiran Melayu, misalnya kebolehjangkitan dan rawatan risiko rendah, serta istilah singkatan seperti PKP, PKPB dan PKPD. Memandangkan istilah ini turut digunakan oleh masyarakat awam, maka pembentukan istilah yang sedemikian perlu diperluas agar mudah diterima dan difahami. Berkaitan dengan singkatan, kajian ini mencatatkan empat singkatan dari kata bahasa Melayu dan 15 singkatan daripada bahasa Inggeris; dan kesemua singkatan tersebut dibentuk dengan kaedah yang ditetapkan dalam PUIBM.

Kajian ini juga mendapati bahawa 9.0% (12) istilah yang digunakan oleh KKM mempunyai lebih daripada satu padanan istilah bahasa Melayu, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3. Walau bagaimanapun, istilah yang digunakan saling mempunyai pertalian makna atau bahkan bersinonim. Hal ini wajar sahaja berlaku kerana menurut prinsip sosioterminologi, polisemi dan sinonim merupakan sesuatu yang terbentuk secara semula jadi dalam bahasa kerana ahli terminologi membentuk konsep yang berkait rapat dengan terminologi dan asal-usul ciptaan (Temmerman, 2000).

Jadual 3 Contoh istilah yang mempunyai lebih daripada satu padanan bahasa Melayu

Bahasa Inggeris	Istilah KKM	Istilah DBP
<i>personal protective equipment (PPE)</i>	1. kelengkapan pelindung peribadi (PPE), 2. kelengkapan pelindung diri (PPE)	kelengkapan perlindungan diri (PPE)
<i>mask</i>	1. topeng muka, 2. topeng muka dan hidung, 3. topeng muka dan mulut, 4. penutup mulut dan hidung, 5. pelitup muka	pelitup
<i>flatten of the curve</i>	3. meratakan lengkung, 4. melandaikan lengkung	
<i>hand sanitiser</i>	1. bahan pencuci tangan, 2. hand sanitizer, 3. Pencuci tangan	pensanitasi tangan
<i>new normal</i>	1. norma baharu 2. normal baharu 3. kelaziman baharu	
<i>sentinel site</i>	1. lokasi sentinel 2. klinik kesihatan terpilih	lokasi sentinel
<i>social distancing</i>	1. jarak sosial 2. penjarakan sosial 3. jarakkan sosial 4. jarakkan diri 5. jarak sosial selamat	penjarakan sosial
<i>exponential spike</i>	1. kadar peningkatan kes 2. lonjakan kes	-
<i>infection transmission</i>	1. transmisi jangkitan 2. penularan jangkitan	penularan jangkitan
<i>downward trend</i>	1. tren menurun 2. tren mendatar	-
<i>active case detection</i>	1. pengecaman kes secara aktif 2. pengesanan kes aktif	-
<i>decontamination</i>	1. nyahkuman 2. nyahcemar 3. nyahvirus	dekontaminasi

Melihat kepada keseluruhan data yang dikumpulkan, kajian ini mendapati beberapa istilah asas berkaitan dengan penyakit Coronavirus, yang dianggap penting dan perlu diketahui oleh pengguna tidak ditemukan dalam korpus teks yang dikenal pasti, namun istilah ini didapati banyak beredar dalam kalangan masyarakat. Contohnya, istilah *airborne*, *outbreak*, *sporadic*, *swab sample*, *epidemic*, *self-quarantine*, *self-isolation* dan *incubation*. Hal ini dapat dimaklumi kerana teks yang berkenaan hanya bertujuan memberikan pemakluman tentang perkembangan status kes COVID-19 di Malaysia dan bukannya tentang penyakit tersebut. Berdasarkan pengamatan, istilah yang berkaitan dengan penyakit ini lebih banyak digunakan di dalam poster, sebaran, brosur dan sebagainya, sama ada dalam bentuk cetakan atau digital, sesuai dengan tujuannya, iaitu untuk mendidik dan memberikan kesedaran (*awareness*) kepada masyarakat

Selanjutnya, ditinjau dari aspek kaedah pembentukan istilah, kajian ini mendapati 75.0% (107) istilah yang digunakan oleh KKM dibentuk melalui kaedah penterjemahan langsung; 10.0% (14) istilah melalui kaedah penyerapan dan 15.0% (22) istilah dibentuk melalui gabungan terjemahan dan penyerapan. Pada dasarnya, istilah yang dibentuk KKM menepati kaedah yang ditetapkan PUIBM, namun ketepatan dari segi konsep dan pilihan kata

yang mewakili masih perlu diselidiki bagi memastikan istilah tersebut benar-benar menepati konsep dan tidak mengelirukan pengguna, khususnya pengguna awam.

ANALISIS SOSIOTERMINOLOGI PERISTILAHAN COVID-19

Ahli peristilahan antarabangsa, Eugen Wuster (1931) menyatakan bahawa dalam peristilahan terdapat tiga hal yang perlu diberikan perhatian, iaitu (i) lambang, (ii) makna, dan (iii) objek. Namun, berdasarkan perkembangan terkini terlihat kecenderungan ahli peristilahan untuk menggunakan pendekatan sosioterminologi dalam menghuraikan istilah, mengaitkan penciptaan istilah secara deskriptif dengan fenomena persekitaran dan aktiviti masyarakat. Menurut Rey (1988), sosioterminologi membahaskan terminologi sebagai satu fenomena keberkesanan dalam perkhidmatan masyarakat. Dalam konteks pandemik COVID-19 ketika ini, istilah penting untuk memberikan pemahaman kepada pengguna awam kerana pemahaman itu berkaitan dengan kesejahteraan masyarakat. Istilah yang kurang tepat akan menyebabkan maklumat yang disampaikan disalahtanggapi, dan arahan tidak dipatuhi dengan baik. Bagi tujuan perbincangan, beberapa contoh istilah yang mempunyai kekerapan tertinggi dari data yang dikenal pasti akan dianalisis.

AWALAN 'NYAH' DAN SINGKATAN BAHASA MELAYU DALAM INVENTORI BAHARU KORPUS PERISTILAHAN COVID-19

Dalam inventori baharu peristilahan COVID-19 yang digunakan oleh KKM ditemukan empat istilah yang berikut, 'nyahkuman', 'nyahvirus', dan 'nyahcemar' untuk padanan istilah Inggeris *decontamination* dan 'nyahjangkitan' untuk padanan *disinfection*. Istilah ini kedengaran sangat biasa ditemukan dalam istilah bahasa Melayu. Namun, setelah semakan dilakukan keempat-empat istilah tersebut tidak terdapat dalam pangkalan data peristilahan DBP. Walau bagaimanapun, bentuk yang sama ditemukan dalam pelbagai istilah, contohnya nyahcas (*discharge*), nyahpepijat (*debug*), nyahbau (*deodourize*), nyahasli (*denaturation*), nyahminyak (*deoiling*), nyahlilin (*dewaxing*), nyahfros (*defrost*), nyahpecutan (*deceleration*) dan sebagainya. Padanan *disinfection* yang ditemui dalam pangkalan data istilah DBP ialah disinfeksi. Pada umumnya, keempat-empat istilah tersebut terbentuk melalui pengimbuhan awalan 'nyah' kepada kata nama atau kata adjektif untuk menerangkan keadaan.

Meninjau penggunaan istilah tersebut di media lainnya, kajian ini mendapati penggunaan istilah ini sangat tidak selaras. Misalnya, ada media yang menggunakan istilah 'nyahcemar' untuk padanan *disinfectant*, manakala sebahagiannya pula menggunakan 'nyahkuman' untuk istilah yang sama. Begitu pula sebaliknya, ada yang menggunakan 'nyahcemar' untuk *decontamination* dan *disinfection*. Disebabkan kekeliruan pemberian istilah ini, maka sebahagian pengguna memilih jalan mudah, iaitu dengan menyerap istilah tersebut ke dalam bahasa Melayu, misalnya dekontaminasi dan disinfeksi atau disinfektan. Namun, dari segi konsepnya masih tidak difahami, bahkan masih saling mengelirukan.

Menurut *Sciencedirect.com*, *decontamination* bermaksud nyahcemar, yang meliputi nyahkuman dan nyahvirus:

Disinfection and sterilization are both decontamination processes. While disinfection is the process of eliminating or reducing harmful microorganisms from inanimate objects and surface, sterilization is the process of killing all microorganisms.

Cambridge Dictionary (<https://dictionary.cambridge.org>) pula mentakrifkan *decontamination* sebagai: *The neutralization or removal of dangerous substances, radioactivity, or germs from an area, object, or person*; sementara *disinfection* ditakrifkan sebagai: *The process of cleaning something, especially with a chemical, in order to destroy bacteria*. Bagi KKM, *disinfection* ialah *a procedure, the results of which is transient, that eliminates many or all pathogenic microorganisms, except bacterial spores, and/or deactivates undesirable viruses on inanimate*

objects. Berdasarkan huraian konsep tersebut, kajian ini mendapati bahawa padanan yang diberikan oleh KKM, 'nyahcemar' untuk *decontamination* adalah lebih tepat berbanding dengan penggunaan media yang lain. Namun, istilah 'nyahkuman' dan 'nyahvirus' sesuai untuk padanan istilah Inggeris *sterilization* dan *degerm*.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (KDE), 'nyah-' bermaksud 'awalan asing yang bererti buang atau hapus', yang dalam istilah bahasa Melayu awalan ini dipadankan dengan awalan 'de-' atau 'dis-' dalam bahasa Inggeris. Dari segi pembentukan istilah, PUIBM (1972, 2004) menetapkan istilah boleh dibentuk melalui proses pengimbuhan, pengakroniman, penyingkatan, peluasan makna, penyempitan makna, penggandaan, penggabungan, proses analogi dan sebagainya. Bagi pembentukan istilah berdasarkan proses kaedah analogi, kata atau istilah dibentuk melalui cara mengiaskannya dengan sesuatu bentuk kata yang sedia wujud dalam bahasa Melayu. Dengan kata lain, istilah baharu dibentuk berdasarkan pola yang telah sedia ada. Dalam hal ini, pola sedia adanya adalah 'nyah' + kata adjektif atau 'nyah + kata nama.

Dalam Glosari Perubatan, awalan 'nyah-' ditakrifkan sebagai 'awalan yang bermaksud di bawah atau keluar'. Justeru, menurut prinsip sosioterminologi, pembentukan istilah nyahkuman, nyahvirus dan nyahcemar lebih dekat dengan bahasa pengguna dan lebih mudah difahami, khususnya oleh masyarakat awam berbanding dengan istilah *degerm*, *disinfektan*, *dekontaminan* atau *steril* yang digunakan dalam akhbar atau kelompok tertentu. Bahkan, DBP juga memberikan padanan istilah *disinfection* sebagai *disinfeksi*, dengan takrifan 'pemusnahan mikroorganisma, khasnya dengan menggunakan bahan kimia.' (prpm.dbp.gov.my). Bagi tujuan penyelarasan, DBP turut memberikan padanan *disinfectant* sebagai *disinfektan*. Hal ini dapat dimaklumi kerana kata tersebut menepati pengertian istilah, iaitu 'istilah ialah kata atau frasa yang mengungkapkan konsep yang khusus yang terdapat dalam sesuatu bidang ilmu atau profesional (PUIBM 2004).

Namun, dalam konteks peristilahan yang berkaitan dengan pandemik COVID-19, istilah yang berkaitan turut digunakan dan perlu difahami oleh pengguna awam sehingga bentuk istilah seumpama ini tentunya sukar untuk difahami. Justeru, istilah nyahkuman, nyahvirus dan nyahcemar adalah lebih tepat berbanding dengan istilah yang diserap daripada bahasa sumbernya. Istilah Melayu ini juga lebih mudah dikembangkan untuk membentuk istilah yang lain, misalnya nyahcemar - menyahcemar - penyahcemar - dinyahcemar - ternyahcemar, berbanding dengan istilah *dekontaminasi* - *mendekontaminasi* - *pendekontaminasi* - *didekontaminasi* dan *terdekontaminasi*, yang selain sukar disebut, juga sukar untuk memberikan gambaran maksudnya. Justeru, DBP turut menerima padanan penyahjangkitan bagi istilah *disinfection* dan penyahjangkit bagi istilah *disinfectant* serta istilah lainnya sebagai kata baharu, di samping mengekalkan istilah lama sebagai sinonim. Hal ini menepati prinsip sosioterminologi bahawa istilah yang telah digunakan pengguna boleh diterima selagi tidak menyalahi peraturan atau pedoman yang ditetapkan. Istilah yang telah dibentuk juga boleh dikembangkan kepada istilah yang lain bagi tujuan penyelarasan. Contohnya, istilah *disinfection box* yang belum diberikan padanan bahasa Melayunya dapat dipadankan dengan *kekotak penyahjangkitan*. Istilah ini juga boleh dikembangkan untuk padanan *disinfection tunnel* (terowong penyahjangkitan), *disinfection channel* (terusan penyahjangkitan), *disinfection booth* (ruai penyahjangkitan), *disinfection partition* (sesekat penyahjangkitan) atau *disinfection gate* (laluan penyahjangkitan), yang kesemuanya mendukung konsep berkaitan fungsi yang sama.

Selanjutnya, satu lagi bentuk istilah baharu yang dimasyhurkan oleh KKM ialah singkatan daripada kata bahasa Melayu, PPK (Perintah Kawalan Pergerakan), PKPD (Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat) dan PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat). Pada dasarnya, istilah boleh terdiri daripada kata dasar, rangkai kata, simbol grafik, singkatan, akronim dan notasi yang mewakili satu atau lebih konsep dalam bidang tertentu (Fellber, H.

1985). Justeru, PUIBM menetapkan bahawa ‘jika istilah asing itu menggunakan singkatan, maka di mana mungkin terjemahannya hendaklah menjurus kepada pewujudan singkatan yang sama.’ Dalam hal ini KKM memilih untuk menggunakan singkatan bahasa Melayu bagi ketiga-tiga istilah tersebut. Pemilihan ini, justeru memudahkan pengguna untuk mengingat, memahami dan melaksanakan arahan tersebut, berbanding dengan singkatan dari bahasa Inggeris, MCO (*movement control order*), EMCO (*enhanced movement control order*) dan CMCO (*conditional movement control order*). Pada awalnya, istilah PKP ini sempat dipadankan dengan *restricted movement order* (RMO). Namun, RMO lebih sesuai dipadankan dengan ‘perintah pergerakan terhad’, dan apabila dibentuk singkatan dalam bahasa Melayu, singkatannya menjadi PPT.

Menyentuh tentang singkatan bahasa Melayu, kajian mendapati banyak singkatan yang dibentuk daripada istilah bahasa Melayu, seperti IKS, (industri kecil sederhana), PdP (pengajaran dan pembelajaran), PKS (perusahaan kecil sederhana) dan R&R (rehat dan rawat). Hakikatnya, pemilihan istilah singkatan oleh KKM ini adalah menepati prinsip yang ditetapkan dalam *Practical Guidelines for Socioterminologi* (ISO TR 22134: 2007), iaitu segala sesuatu yang diucapkan, walaupun dalam bidang teknikal atau saintifik, merupakan suatu lakuan bahasa. Setiap lakuan bahasa didasarkan kepada cara persepsi, cara apropriasi dan dalam keadaan sebenar, semuanya termasuk ciri-ciri kebudayaan dan sociolinguistik.

KETIDAKSELARASAN ISTILAH DALAM KORPUS PERISTILAHAN COVID-19

Berkaitan dengan ketidakselarasan istilah, Junaini Kasdan et al. (2017) mencatatkan bahawa sebanyak 12.7% istilah dalam bidang Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi adalah tidak selaras, iaitu memiliki sekurang-kurangnya dua padanan bahasa Melayu bagi merujuk konsep yang sama. Kajian ini pula mencatatkan 9.0% istilah yang dikenal pasti juga mempunyai sekurang-kurangnya dua padanan bahasa Melayu. Antara contoh ketidakselarasan istilah yang ditemukan ialah padanan bagi *mask*, ‘*A covering made of fibre or gauze and fitting over the nose and mouth to protect against air pollutants, or made of sterile gauze and worn to prevent infection of the wearer or (in surgery) of the patient*’ (<https://www.lexico.com>; <https://www.oxford.com>). Konsep yang diuraikan ini diberikan lima padanan bahasa Melayu oleh KKM, iaitu topeng muka, topeng muka dan hidung, topeng muka dan mulut, penutup mulut dan hidung dan pelitup muka. *Kamus Inggeris-Melayu Dewan* (2004) pula memberikan takrifan *mask* sebagai: ‘topeng; (*used by doctors, nurses*), pelitup; (*used by fencers, welders*) pelindung.’ KDE (2010) pula mentakrifkan topeng sebagai ‘1. sesuatu yang dipakai untuk menutup muka yang berupa muka orang atau binatang dan lain-lain (diperbuat daripada kertas, kulit dan lain-lain); 2. penutup muka.’

Pada awalnya KKM menggunakan istilah topeng muka, namun apabila merasakan istilah ini tidak sesuai disebabkan topeng memang berfungsi sebagai penutup muka, maka KKM memilih menggunakan topeng muka dan hidung. Namun, kata topeng dan muka masih menggambarkan yang ditutup adalah keseluruhan muka. Kata muka bermaksud ‘bahagian kepala di sebelah hadapan dari dahi hingga ke dagu’ (KDE 2010). Kekeliruan ini mendorong KKM menggunakan istilah ‘penutup mulut dan hidung’ pula. Hal ini ada benarnya, kerana *mask* yang dimaksudkan ialah penutup (topeng) yang menutupi bahagian mulut dan hidung sahaja. Dalam bahasa Inggeris misalnya, ada topeng yang hanya digunakan untuk menutup mata, atau lebih dikenali sebagai topeng Zoro, disebut sebagai *eye mask* (*a mask covering the upper part of the face but with holes for the eyes*) (<https://dictionary.cambridge.org>). Berdasarkan analogi ini, maka KKM menggantikan padanan istilah *mask* dengan penutup mulut dan hidung. Walau bagaimanapun, KKM akhirnya akur untuk menggunakan istilah pelitup muka (*facemask*), seperti yang disarankan oleh DBP, sesuai dengan takrifan *Cambridge Dictionary* (<https://dictionary.cambridge.org>): *facemask is a device worn over the nose and*

mouth to prevent you from breathing in harmful substance, such as bacteria or pollution, or from breathing bacteria or viruses onto anyone else.

Dalam hal ini, perlu ditekankan bahawa istilah bahasa Melayu dibentuk berdasarkan konsep bukan mengikut terjemahan dari bahasa sumbernya. Justeru, penghuraian konsep bagi sesuatu istilah penting untuk menerangkan akan peri pentingnya pemberian nama atau istilah yang tepat bagi sesuatu konsep, sama ada yang konkrit atau yang abstrak supaya difahami dan dapat melancarkan komunikasi dalam kalangan masyarakat. Penjelasan konsep yang salah akan menyebabkan istilah yang digunakan juga tidak tepat, dan dalam keadaan tertentu boleh menyebabkan kegagalan komunikasi.

Menurut Pihlaka (2006), bahasa tidak sesuai untuk dipiawaikan kerana bahasa merupakan struktur abstrak yang mengalami perubahan berterusan. Penggunaan bahasa menggambarkan pengetahuan pengguna, pendapat, status sosial dan profesional serta hubungan antara unsur-unsur tersebut. Bahkan ahli sosioterminologi berpendapat bahawa penggunaan sesuatu bahasa itu menggambarkan unsur pengetahuan pengguna, pendapat, status sosial dan profesional serta hubungan kuasa antara unsur-unsur tersebut. Namun, dalam kes peristilahan ada kewajaran untuk istilah yang beredar distandardkan. Contohnya, istilah jarak sosial, penjarakan sosial, jarakkan sosial, jarakkan diri dan jarakkan sosial selamat bagi padanan bahasa Inggeris *social distancing: the practice of keeping away from other people as much as possible, or of keeping a certain distance from other people, in order to stop a disease from spreading to a lot of people* (<https://dictionary.cambridge.org>). Daripada takrifan tersebut dapat dikenal pasti bahawa istilah *social distancing* mendukung konsep ‘perbuatan’ atau ‘proses’. Namun, padanan bahasa Melayu yang dicadangkan, iaitu jarak sosial dan jarak sosial selamat adalah bentuk kata nama, manakala jarakkan sosial dan jarakkan diri adalah bentuk imperatif; yang kesemuanya tidak menepati konsep istilah bahasa sumbernya.

Berdasarkan PUIBM (2004: 7), ‘penterjemahan hendaklah memastikan istilah terjemahan menganggotai golongan kata yang sama dengan istilah asal. Justeru, ‘penjarakan sosial’ yang dibentuk melalui kaedah pemadanan dengan menggabungkan kata berimbuhan ‘pen + jarak + an dan kata pinjaman Inggeris (dengan pengubahsuaian ejaan), sosial; membentuk kata nama yang menjelaskan proses, merupakan bentuk yang paling tepat untuk padanan *social distancing*. Istilah penjarakan sosial juga telah diterima oleh DBP sebagai istilah yang dibakukan. Berkaitan dengan imbuhan, dalam bahasa Melayu, imbuhan berperanan untuk membentuk kata baharu. Oleh itu, dalam peristilahan, setiap imbuhan mendukung makna yang tersendiri dan tidak boleh diabaikan.

Selanjutnya, melalui data kajian ditemukan penggunaan istilah kadar peningkatan kes dan lonjakan kes untuk padanan bahasa Inggeris *exponential spike*. Istilah ini digunakan untuk merujuk konsep *a rate of increase that becomes quicker ... exponential does not mean fast, it means ever faster* (<https://nationalpost.com>). Dilihat secara terpisah, *exponential* diterjemahkan sebagai ‘pesat’, namun dalam korpus peristilahan bahasa Melayu *exponential* dipadankan dengan ‘eksponen’, hasil penyerapan istilah bahasa sumber dengan pengubahsuaian ejaan. *Spike* pula ditakrifkan sebagai *to rise or increase sharply* (<https://www.dictionary.com>). Takrifan yang sama turut diberikan oleh Macmillan Dictionary, *to increase suddenly* (<https://www.macmillandictionary.com>). Dalam bahasa Melayu pula hampir semua kamus Inggeris-Melayu mentakrifkan *spike* sebagai paku atau sesuatu yang berkaitan dengan paku atau benda yang tajam (bentuknya runcing atau seperti puncak). Walau bagaimanapun, konsep *to rise or increase sharply* masih mempunyai ciri yang sama dengan paku yang tajam sifatnya. Konsep tajam atau runcing dapat dikaitkan dengan sesuatu keadaan yang ‘menaik’ atau ‘meningkat’ secara tiba-tiba/tidak disangka-sangka, yang dalam bahasa Melayu disebut ‘mendadak’ (KDE 2010). Oleh itu, sekilas, kedua-dua perkataan (*exponential* dan *spike*) apabila dilihat secara terpisah, masing-masing mendukung makna yang sama, iaitu naik dengan cepat, naik dengan tajam atau naik mendadak. Dengan kata lain, istilah ini bersifat

lewah. Dalam bahasa Melayu juga ditemukan bentuk istilah yang sedemikian, misalnya ‘aku janji’ dan ‘guna pakai’. Pada umumnya, penjelasan ini dapat menerangkan alasan KKM memilih untuk menggunakan istilah ‘lonjakan kes’.

Secara harfiah istilah *exponential spike* dapat dipadankan dengan ‘kenaikan mendadak eksponen’ atau ‘lonjakan mendadak mendadak.’ Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa istilah tidak terbentuk berdasarkan terjemahan langsung, sebaliknya perlu dilihat berdasarkan keseluruhan konsep sebagai satu kesatuan. Justeru, takrifan bagi *a rate of increase that becomes quicker* memadai untuk dipadankan dengan ‘kenaikan mendadak’ atau ‘lonjakan mendadak’. Namun, dalam konteks sosioterminologi, pemberian sesuatu istilah perlu juga mengambil kira faktor persekitaran sosial masyarakat penutur. Bagi penutur Melayu, kata ‘kenaikan’ bermaksud “keadaan atau hal naik (berkenaan pangkat, gaji, harga dll)” (KDE 2010) dan tidak menggambarkan konsep *a rate of increase that becomes quicker*. Hal ini berbeza dengan kata ‘lonjakan’, iaitu hasil melompat dengan kedua-dua belah kaki. Hasil lonjakan pula tidak statik pada satu tempat, sebaliknya boleh bergerak ke hadapan. Justeru, istilah ‘lonjakan’ yang digunakan oleh KKM adalah sangat tepat. Pemilihan istilah yang digunakan KKM didapati selari dengan prinsip sosioterminologi, iaitu pemilihan istilah mempunyai pertalian dengan jati diri budaya penutur bahasa kerana istilah bukan sekadar simbol atau tanda, malah merupakan sebahagian daripada kebudayaan dan pemikiran penuturnya. Dalam konteks peristilahan COVID-19, penutur dalam bidang lebih arif dengan pilihan istilah yang digunakan kerana pemilihan istilah turut mengambil kira pemahaman masyarakat awam. Namun, ‘lonjakan kes’ untuk *exponential spike* perlu diperbetul. Justeru, kajian mencadangkan ‘lonjakan mendadak’ sebagai padanan bagi istilah *exponential spike*.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dapat dirangkumkan bahawa penciptaan istilah, khususnya istilah yang diimport dari luar bukan sekadar memenuhi tuntutan penterjemahan konsep tetapi juga perlu mempunyai sentuhan rasa bahasa penuturnya, yang sangat berkaitan dengan sosioterminologi. Istilah yang telah digunakan oleh masyarakat dan tidak bertentangan dengan prinsip dan pedoman pembentukan istilah yang telah ditetapkan perlu diraikan dan diterima sebagai istilah yang baku. Hal ini selari dengan pendapat ahli sosioterminologi, Alice Neudorf (1980) yang mengatakan bahawa “*new terminology can be developed by anyone who is a good speaker of the language. A good speaker is needed for his or her intuitive knowledge of the language. Most native speakers have a good intuitive of what appropriate and what is not in creating new terms.*” Walaupun pandangan pengkaji Barat ini dapat diterapkan dalam peristilahan di Malaysia namun pada waktu yang sama aspek penstandardan atau pemiawaian istilah sebagai ciri utama masih perlu diberikan perhatian. Keperluan pemiawaian ini agak bertentangan dengan pandangan ahli sosioterminologi yang mengatakan bahawa “*... there are several important points to remember when developing new terminology in any language... No one should become the sole authority in the language, so that everyone has to depend on that person for all language activity. The language belongs to everyone who use it.*” tetapi pemiawaian penting demi kelangsungan sistem pendidikan di Malaysia.

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan, secara umumnya dapat disimpulkan bahawa pendekatan sosioterminologi dapat membantu perancang bahasa membentuk istilah, sesuai dengan cita rasa masyarakat, di samping melihat perkembangan peristilahan dalam konteks yang lebih luas. Sosioterminologi dilahirkan untuk menyatukan konsep khusus kepada komuniti penutur. Hal ini kerana sosioterminologi mengambil berat tentang penyebaran dan perkembangan istilah serta melihat istilah teknikal dan saintifik dari sudut pandangan komunikasi (ISO TR 22134, 2007). Pendekatan ini menerapkan perspektif sosiolinguistik yang menumpukan "mana-mana aspek masyarakat (termasuk norma budaya, harapan, dan konteks)

dalam bahasa yang digunakan, dan kesan penggunaan bahasa kepada masyarakat”. Dalam konteks peristilahan COVID-19, pembentukan istilah yang salah akan menyebabkan berlakunya kekeliruan dan salah pengamalan atau pelanggaran pematuhan arahan yang dikeluarkan.

RUJUKAN

- Alain Rey. (1995). *Essay on terminology*. Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Alice Neundorff. (1982). Terminology development in Najavo. *Internasional Journal of American Linguistics*, Vol. 48(3): 271-276.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2004). *Pedoman umum pembentukan istilah bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari Istilah Penyakit Berjangkit*. (20). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasnah Mohamad. (2017). Pembentukan istilah baharu: sejauh mana kesejajarannya dengan pedoman? *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Kali Ke-2* (PASAK 2017): 26-17.
- Hasnah Mohamad. (2020). COVID-19: Istilah yang memenuhi syarat. *Majalah Dewan Bahasa, Bil.* (5): 8-10
- <http://www.infoterm.info>
- <https://dictionary.cambridge.org>
- <https://nationalpost.com/news/exponential-covid-19-helps-people-to-understand-misused-terms-proper-terrifying-meaning>
- <https://www.dictionary.com>
- <https://www.lexico.com>
- <https://www.macmillandictionary.com>
- <https://www.moh.gov.my>
- <https://www.oxford.com>
- <https://www.prpm.dbp.gov.my>
- ISO/TR 22134. (2007). Guidelines for socioterminology principles, methods and vocabularies.
- Jeffrey S. Kahn and Kenneth McIntosh. (2005). History and recent advances in coronavirus discovery. *The Paediatric Infectious Disease Journal*, Vol. 24 (11). From <https://www.researchgate.net/publication/> [accessed Feb. 27 2020].
- John Kelly. (2020). *Coronavirus: The Words You Need To Understand The News*. <https://www.dictionary.com/e/coronavirus-words/> [accessed May 5 2020].
- Junaini Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa, Zuhaira Idrus. 2017. Ketidakselarasan Istilah Bahasa Melayu Dalam Korpus Kejuruteraan dan S&T: Analisis Socioterminologi *Jurnal Linguistik*, Vol. 21 (1): 1-26.
- Junaini Kasdan. (2020). Penciptaan istilah dan akal budi Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, Vol. 8(1), 2020: 3 – 16.
- Kumar D, Malviya R, Kumar Sharma P. (2020). Corona virus: a review of COVID-19. *EJMO*, Vol. 4(1): 8-25. From <https://www.researchgate.net/publication/> [accessed Apr. 16 2020].
- Namri Sidek. (2020). Memahami asal-usul dan makna istilah ‘wabak’ dan ‘plague’ dalam <https://iluminasi.com/bm/adakah-covid-19-layak-digelarkan-wabak-dari-segi-bahasa.html>. [accessed 10 Apr. 2020].

- Pihkala, T. (2006). *Socioterminology*. http://www.tsk.fi/fi/ti/ti101_teksti.html. [accessed 10 May 2020].
- Pitch, H. & Draskau, J. (1986). *Terminology: an introduction*. Juilford: University of Surrey.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2005). *Peminjaman kata bahasa Inggeris dalam peristilahan undasng-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). *Menelusuri peristilahan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Temmerman, R. (2000). *Towards new ways of terminology description. the sociocognitive approach*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Pengarang

Junaini Kasdan ialah Felo Penyelidik di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tumpuan bidang penyelidikan beliau ialah Bahasa dan Linguistik Terapan (antaranya ialah Terminologi dan Terminografi, Semantik, Geolinguistik) serta pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing.

Rusmadi Baharuddin ialah Ketua Bahagian Penyelidikan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Tumpuan bidang penyelidikan beliau ialah leksikografi, linguistik korpus dan semantik leksikal.

Anis Shahira Shamsuri ialah pelajar prasiswazah Program Linguistik, di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

SENARAI ISTILAH BAHARU KKM DALAM KORPUS PERISTILAHAN COVID-19

Bil.	Bahasa Inggeris	Istilah KKM	Istilah Cadangan
1.	<i>disinfection</i>	Nyahcemar (<i>decontamination?</i>)	nyahjangkitan
2.	<i>disinfection</i>	Nyahkuman (<i>degerm?</i>)	nyahjangkitan
3.	<i>disinfection</i>	nyahvirus	nyahjangkitan
4.	(<i>Immunodeficiency?</i>)	1. kumpulan berisiko 2. pesakit rendah imun	
5.	(<i>infectionable?</i>)	kebolehhjangkitan	kebolehhjangkitan
6.	(<i>low immunity?/weak immunity?</i>)	rendah imuniti	imuniti rendah
7.	(<i>low risk treatment</i>)	rawatan risiko rendah	
8.	(<i>susceptibility to infection?</i>)	rentan jangkitan	
9.	<i>antiviral treatment</i>	rawatan antiviral	rawatan antivirus
10.	<i>chain of infection</i>	rantaian jangkitan	rantaian jangkitan
11.	<i>Chloroquine</i>	Choloroquine	Choloroquine
12.	<i>close contact</i>	kontak rapat	kontak rapat
13.	<i>close conversation</i>	komunikasi jarak dekat/sebang jarak dekat	sebang dekat
14.	<i>conditional movement control order (CMCO)</i>	perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB)	perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB)
15.	<i>confined place</i>	kawasan sempit	kawasan sempit
16.	<i>Coronavirus disease</i>	penyakit Coronavirus	penyakit Coronavirus
17.	<i>crowded place</i>	kawasan sesak	kawasan sesak
18.	<i>disinfection box</i>	<i>disinfection box</i>	kekotak nyahjangkitan
19.	<i>respiratory droplet</i>	titisan sekresi pernafasan	titisan pernafasan
20.	<i>disposable face shield</i>	<i>disposable face shield</i>	pelindung muka pakai buang
21.	<i>disposable fluid resistant apron</i>	<i>disposable fluid resistant apron</i>	apron kalis cecair pakai buang
22.	<i>enhance movement control order (EMCO)</i>	perintah kawalan pergerakan diperketat (PKPD)	perintah kawalan pergerakan diperketat (PKPD)
23.	<i>health screening</i>	saringan kesihatan	saringan kesihatan
24.	<i>Hydroxychloroquine</i>	Hydroxychloroquine	Hydroxychloroquine
25.	<i>import case</i>	kes import	kes import
26.	<i>Infection prevention and control (IPC)</i>	Kawalan pencegahan jangkitan (IPC)	Kawalan pencegahan jangkitan (IPC)
27.	<i>jump suit</i>	<i>jump suit</i>	
28.	<i>liponavir</i>	liponavir	liponavir
29.	<i>local transmitting</i>	penularan tempatan	penularan tempatan
30.	<i>Medical research and ethics committee (MREC)</i>	Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan (MREC)	Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan (MREC)
31.	<i>medicines by post</i>	ubat melalui pos (UMP)	ubat melalui pos (UMP)
32.	<i>movement control order (MCO)</i>	perintah kawalan pergerakan (KPK)	perintah kawalan pergerakan (KPK)
33.	<i>National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA)</i>	Badan Regulasi Farmasi Negara (NPRA)	Badan Regulasi Farmasi Negara (NPRA)
34.	<i>positive case</i>	kes positif	kes positif
35.	<i>protective head cover</i>	<i>protective head cover</i>	serkup kepala perlindungan
36.	<i>self-surveillance</i>	<i>self-surveillance</i>	pengawasan sendiri
37.	<i>spring cleaning</i>	<i>spring cleaning</i>	pembersihan menyeluruh
38.	<i>vulnerable community</i>	komuniti lemah	komuniti lemah
39.	<i>personal protective equipment (PPE)</i>	1. kelengkapan pelindung peribadi (PPE) 2. kelengkapan pelindung diri (PPE)	kelengkapan perlindungan diri (PPE)

40.	<i>mask</i>	1. topeng muka, 2. topeng muka dan hidung, 3. topeng muka dan mulut, 4. penutup mulut dan hidung, 3. pelitup muka	pelitup
41.	<i>flatten of the curve</i>	1. meratakan lengkung, 2. melandaikan lengkung	melandaikan lengkung
42.	<i>new normal</i>	1. norma baharu 2. normal baharu 3. kelaziman baharu	normal baharu
43.	<i>social distancing</i>	1. jarak sosial 2. penjarakan sosial 3. jarakkan sosial 4. jarakkan diri 5. jarak sosial selamat	penjarakan sosial
44.	<i>exponential spike</i>	1. kadar peningkatan kes 2. lonjakan kes	lonjakan mendadak
45.	<i>infection transmission</i>	1. transmisi jangkitan 2. penularan jangkitan	penularan jangkitan
46.	<i>downward trend</i>	1. tren menurun 2. tren mendatar	trend mendatar
47.	<i>active case detection</i>	1. pengecaman kes secara aktif 2. pengesanan kes aktif	pengesanan kes aktif

**SENARAI TEKS KENYATAAN AKHBAR KKM
BERKENAAN SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS DI MALAYSIA**

[illegible]

[illegible]

7 Mac 2020	KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
6 Mac 2020	KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
5 Mac 2020	KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
4 Mac 2020	KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
3 Mac 2020	KENYATAAN MEDIA PEJABAT PERDANA MENTERI: TAKLIMAT STATUS CORONAVIRUS OLEH PASUKAN PETUGAS KHAS KEMENTERIAN KESIHATAN
	KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
2 Mac 2020	KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
1 Mac 2020	KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
29 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS DISEASE(COVID-19) DI MALAYSIA
28 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS DISEASE(COVID-19) DI MALAYSIA
27 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS DISEASE(COVID-19) DI MALAYSIA
26 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
25 Feb 2020	1. KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 2. KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA: ISU PENGAMBILAN AIS DARI SUMBER YANG TIDAK DISAHKAN DIKAITKAN DENGAN NOVEL CORONAVIRUS (COVID-19)
24 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019(COVID-19) DI MALAYSIA
23 Feb 2020	1. KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS DISEASE (COVID-19) DI MALAYSIA – KAPAL PERSIARAN WORLD DREAM 2. KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA: PELAKSANAAN SURVELAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) BAGI MENGESAN KES DALAM MASYARAKAT TEMPATAN DAN SITUASI TERKINI JANGKITAN DI MALAYSIA
22 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS DISEASE (COVID-19) DI MALAYSIA KES KE-22
21 Feb 2020	KENYATAAN MEDIA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA MESYUARAT KHAS HIGH LEVEL COMMITTEE JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT (JPBP) BERHUBUNG KLUSTER PENYAKIT NOVEL CORONAVIRUS (COVID-19) BILANGAN 5 TAHUN 2020
20 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS (COVID-19) DI MALAYSIA
19 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS (COVID-19) DI MALAYSIA
18 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS (COVID-19) DI MALAYSIA
17 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
16 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI: SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DAN PENGESANAN KES BAHARU KE-22 DI MALAYSIA
15 Feb 2020	1. KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA PADA 15 FEBRUARI 2020 - SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DAN PENGESANAN KES BAHARU KE-22 DI MALAYSIA 2. KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA - SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DAN PENGESANAN KES BAHARU DI MALAYSIA
14 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
13 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
12 Feb 2020	1. KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 2. KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA PENJELASAN ISU KES CORONAVIRUS DISEASE (COVID-19) YANG DIDAKWA BERLAKU DI PULAU PINANG
12 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA

11 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
10 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
09 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
08 Feb 2020	KENYATAAN MEDIA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
07 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
06 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
05 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
04 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
03 Feb 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
31 Jan 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
30 Jan 2020	KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA: SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
30 Jan 2020	SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
29 Jan 2020	SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019-nCoV DI MALAYSIA DAN KESIAPSIAGAAN KKM MENGHADAPI PENULARANNYA
28 Jan 2020	SITUASI SEMASA JANGKITAN 2019-nCoV DI MALAYSIA DAN KESIAPSIAGAAN KKM MENGHADAPI PENULARANNYA
26 Jan 2020	SITUASI TERKINI JANGKITAN NOVEL CORONAVIRUS DI MALAYSIA
24 Jan 2020	PENGESANAN KES BAHARU YANG DISAHKAN DIJANGKITI 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA
24 Jan 2020	TINDAKAN KKM BAGI PENGESANAN KONTAK (CONTACT TRACING) KEPADA KES PERTAMA POSITIF NOVEL CORONAVIRUS DI NEGARA SINGAPURA PADA 24 JANUARI 2020
23 Jan 2020	KEMASKINI SITUASI SEMASA WABAK JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DAN STATUS KESIAPSIAGAAN BAGI MENGHADAPI POTENSI PENULARANNYA DI MALAYSIA
16 Jan 2020	KESIAPSIAGAAN DAN RESPONS KKM DALAM MENGHADAPI POTENSI PENULARAN WABAK NOVEL CORONAVIRUS, WUHAN, CHINA